



Program perkasa wanita

Caltex Sew4Life latih suri rumah untuk keluar daripada kepompong kemiskinan

Faizatul Farlin

Farush Khan

DALAM usaha memperkasakan wanita di Lembah Subang dengan skill baru bagi membolehkan mereka memperoleh kestabilan kewangan dan kebebasan membuat pilihan dalam hidup, Chevron Malaysia Limited, yang mengendalikan jenama Caltex, melancarkan satu program kemahiran diri mapan untuk penerima kebajikan Yayasan MyKasih.

Bermula pada 10 Mei lalu, program komuniti berkenaan, Caltex Sew4Life memabitkan latihan selama lima bulan. Ia merangkumi bengkel mingguan termasuk jahitan pakaian tradisional, jahitan tampalan tangan, manik dan gaun serta mengait.

Program berkenaan turut dijalankan dengan kerjasama erat bersama pertubuhan bukan kerajaan dan perniagaan kecil.

Caltex Sew4Life dihadiri kalangan ibu daripada golongan berpendapatan rendah, mempunyai tanggungan yang ramai serta pencari nafkah utama dalam keluarga.

Hasil kemahiran yang dipelajari boleh digunakan untuk mendapatkan kestabilan

kewangan, seterusnya membantu anak-anak menamatkan pendidikan. Ini sekali gus menyediakan peluang kepada mereka untuk melangkah

keluar daripada kepompong kemiskinan melalui peluang pekerjaan yang lebih baik.

Pengerusi Negara Chevron Malaysia Limited, Jeremy Oh berkata, program berkenaan menggunakan keupayaan rakan kongsi komuniti yang dipercayai untuk membantu masyarakat yang memerlukan.

Beliau berkata, melalui bantuan dan kepakaran Yayasan MyKasih, Chevron mampu untuk menyumbang ke arah program mampan yang menyediakan kemahiran keusahawanan dengan kemahiran yang relevan ke arah kestabilan kewangan golongan wanita.

"Kejayaan graduan Caltex Sew4Life, juga membantu membuka jalan untuk orang lain dalam masyarakat untuk mendapatkan kemahiran dan memecahkan kitaran kemiskinan dalam jangka masa panjang," katanya.

Chevron turut menyumbang RM54,000 kepada dana Caltex Sew4Life, termasuk permodalan pinjaman tanpa faedah

berjumlah RM9,000 kepada graduan yang menunjukkan potensi untuk maju.

Graduan pula akan menyalurkan hasil jualan kembali ke Yayasan MyKasih dalam tempoh yang dipersetujui bersama untuk membiayai masa depan pelajar dengan perniagaan mereka sendiri serta bertindak sebagai mentor.

Sementara itu, Pengerusi dan Pengasas Bersama Yayasan MyKasih, Dr Ngau Boon Keat berkata, pihaknya berhasrat untuk bekerjasama dengan rakan yang menyokong inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan mereka yang kurang bernasib baik.

Katanya, program Caltex Chevron Sew4Life adalah contoh yang baik bagaimana inisiatif yang dijalankan syarikat berdasarkan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) boleh membawa perbezaan positif yang berpanjangan dalam kehidupan komuniti.

"Faedah sebenar program ini adalah menyediakan golongan berpendapatan rendah dengan alternatif dan memberi kuasa untuk ibu menjaga serta memperbaiki kehidupan anak-anak mere-

ka," katanya.

Ahli Majlis Penasihat MyKasih Yayasan, Nazrin Aneezah yang memimpin komponen latihan kemahiran program MyKasih berkata, peserta bengkel bersemangat menjalani latihan, apatah lagi memikirkan peningkatan permintaan menjelang Aidilfitri bagi jahitan yang mereka hasilkan antaranya baju kurung, pakaian kanak-kanak dan telekung renda.

Katanya, semua produk dijual melalui laman web Yayasan MyKasih, www.mykasih.com.my dan hasil akan disalurkan terus kepada pelajar.

Pada sama, peserta program Caltex Sew4Life, Norsila Saat, 45, berkata, dia mengkhusus dalam jahitan pakaian untuk kanak-kanak dan kini sudah boleh menjahit apa saja rekaan yang diminta pelanggan.

"Saya memang suka menghasilkan pakaian kanak-kanak dan berharap akan menjadi antara graduan terbaik program bagi membolehkan saya berpeluang mendapatkan pinjaman permulaan untuk membeli mesin jahit," katanya.

**“Kejayaan
graduan
Caltex Sew4Life
juga membantu
membuka
jalan untuk orang
lain dalam
masyarakat
untuk
mendapatkan
kemahiran dan
memecahkan
kitaran
kemiskinan
dalam jangka
masa panjang”**

>Jeremy Oh

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



BANTU...program Caltex Chevron Sew4Life membantu wanita keluar daripada kepompong kemiskinan.



KERJASAMA...penerima dan wakil Caltex bergambar kenangan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

